

08/02/1999

Populariti tidak penting: PM

Azizi Othman in London

LONDON, Ahad - Kerajaan tidak akan mengutamakan populariti sehingga sanggup mengetepikan kepentingan rakyat dalam membuat sebarang keputusan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak sanggup menjadi kerajaan yang bersifat terlalu mementingkan populariti sehingga menjejaskan tanggungjawab," kata Perdana Menteri.

Menurut beliau, walaupun dalam sesebuah negara demokrasi, kekukuhan sesuatu parti yang memerintah banyak bergantung kepada popularitinya, ia tidak bermakna kerajaan terlalu mementingkan aspek itu.

"Kita sebaliknya sentiasa mengutamakan tanggungjawab, walaupun keputusan yang dibuat bermakna pemimpin mungkin menghadapi risiko menjadi tidak popular," katanya ketika berucap kepada kumpulan penuntut Malaysia di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar serta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail.

Dr Mahathir tiba di sini semalam dalam perjalanan menghadiri mesyuarat ketua-ketua negara Kumpulan 15 (G-15) di Jamaica. Beliau dijadual berlepas dengan pesawat khas ke negara itu esok.

Menurut Perdana Menteri, sebagai pemerintah, kerajaan dan parti sering terpaksa membuat keputusan yang kadang kala tidak disukai rakyat kerana sebab tertentu.

"Sebenarnya, menjadi parti yang tidak memerintah lebih senang kerana jika tidak setuju dengan sesuatu isu atau keputusan, mereka boleh mengambil keputusan untuk berdiam diri saja.

"Sebab itu ada sesetengah kerajaan dan parti pemerintah di dunia ini yang enggan mengambil sebarang keputusan hanya kerana takut menjadi tidak popular dan akibatnya, negara yang dipimpin tidak dapat maju," katanya.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, di Malaysia kerajaan sentiasa membuat keputusan walaupun ia menjadikannya tidak popular kerana sedar ia tidak boleh mengambil keputusan yang popular saja sehingga mengabaikan rakyat.

Dr Mahathir memberi contoh dalam isu kenaikan bayaran tol, baru-baru ini, kerajaan terpaksa membuat keputusan yang mungkin menjadikannya tidak popular.

"Kalau parti pemerintah dan kerajaan mahu menjadi popular, ia memang mudah iaitu menghapuskan saja bayaran tol tetapi tindakan itu sebenarnya akan menyebabkan negara menghadapi masalah.

"Ini kerana tanpa tol, semua hasil kerajaan mungkin terpaksa digunakan untuk membina lebuh raya dan akibatnya negara tidak mampu membangunkan aspek lain seperti pendidikan dan sebagainya," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga mempunyai pilihan tidak membina jalan raya baru bagi mengelak mengenakan tol untuk menjadi popular, tetapi keputusan itu turut akan menyukarkan rakyat.

Namun, katanya, menyedari hakikat bahawa pembinaan lebuh raya tol membawa lebih banyak kebaikan kepada rakyat termasuk dari segi keselamatan dan keselesaan, kerajaan memutuskan supaya ia diteruskan.

Dr Mahathir berkata, beliau juga menggunakan konsep yang sama ketika membuat keputusan berhubung isu mencari penggantinya.

"Mungkin keputusan saya menyebabkan saya tidak popular, tetapi saya lebih mengutamakan kepentingan negara pada masa depan walaupun mungkin ramai yang marah kepada saya," katanya.

Sementara itu, pada sidang akhbar yang turut dihadiri media asing, Dr

Mahathir ditanya mengenai isu kesan lebam pada mata Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika dalam tahanan polis.

Menurut Dr Mahathir, Suruhanjaya Siasatan yang ditubuhkan kerajaan, baru-baru ini, sedang menyiasat perkara itu.

"Kita menunggu hasilnya dan kita akan mengambil tindakan setimpal dari segi undang-undang terhadap orang yang bertanggungjawab, tidak kira siapa dia sekalipun.

"Saya tidak akan menyembunyikan apa-apa mengenai kes itu, bahkan saya juga ingin mengetahui siapa yang bertanggungjawab kerana dia sebenarnya sudah mengkhianati kepercayaan yang diberikan kepadanya oleh saya, organisasi tempat dia bekerja dan negara," katanya.

Mengenai keyakinan pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia sekarang, Perdana Menteri berkata, ia semakin kukuh dan beliau percaya keadaan itu akan menjadi bertambah baik pada masa depan.

Katanya, pelaksanaan cukai keluar yang diumumkan kerajaan juga dijangka tidak menghalang pelabur untuk menanam modal jangka panjang di Malaysia kerana iklim pelaburan kini stabil.

"Kita juga tidak kisah jika dikatakan tidak bijak kerana mengambil langkah seumpama itu kerana yang lebih penting ialah keadaan ekonomi Malaysia jauh lebih baik daripada di negara lain," katanya.

(END)